

09/03/2003

Pembangunan insan fokus utama Selangor

Jamhariah Jaafar

NAMA Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohd Khir Toyo, popular secara mendadak apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, membuat

kejutan memilih benar-benar muka baru untuk menerajui negeri termaju di Malaysia bermula pada 18 Ogos 2000. Selepas itu, Dr Mohd Khir melakukan banyak perubahan di Selangor dengan cepat dan tersusun walaupun sesetengah

kenyataannya dipertikaikan. Terbaru, beliau mengeluarkan kenyataan mengenai keperluan mengasingkan penagih dadah tegar, jika boleh buat selama-lamanya. Ikuti bicara wartawan Berita Minggu, JAMHARIAH JAAFAR bersama beliau di pejabatnya di Shah Alam, Khamis lalu mengenai perubahan

yang dilakukan di Selangor dan kedudukannya di gelanggang politik tanah air.

DATUK Seri buat banyak kenyataan lantang dan tindakan yang membuatkan ramai melihat Datuk Seri sebagai pemimpin muda yang agresif. Selepas hampir tiga tahun memegang jawatan sebagai Menteri Besar, bagaimana Datuk

Seri menilai kejayaan dicapai setakat ini?

Saya sebenarnya tidak ada hak untuk menilai diri sendiri, biar orang ramai menjadi hakimnya. Apa yang saya buat ialah tanggungjawab saya sebagai pemimpin yang diamanahkan oleh Perdana Menteri.

Adakah secara peribadi keputusan mengejut PM memilih pemimpin dari kalangan muda dan tidak dikenali berjaya memberi kesan dan perubahan kepada seluruh Selangor?

Saya nak kata tak ada perubahan itu adalah sikit-sikit... tak banyak. Tapi banyak lagi perlu dibuat terutama untuk menseimbangkan pembangunan Selangor.

Selangor hendak mencapai status negeri maju pada 2005, banyak perkara yang perlu kita lihat supaya Selangor menjadi contoh negeri lain. Dari segi pembangunan fizikalnya, memang tidak dinafikan Selangor memang cukup

baik, tapi kita juga menghadapi masalah pembangunan insan. Kerana itu bila

saya jadi Menteri Besar saya tubuh satu portfolio `bina insan' dan ia telah berjalan dengan baik. Sedikit sebanyak ia telah melatih ramai anak muda, pegawai kerajaan, ketua masyarakat. Kita juga ada program IT dan ICT, saya hendak pada 2005 nanti Selangor adalah negeri terbaik dari segi ekonomi.

Memang Selangor menyumbang 30 peratus daripada ekonomi negara, di Selangor tidak ada penganggur kecuali orang yang tak nak bekerja sajalah,

tapi dari segi pembangunan insan dan ICT, Selangor baru mencapai antara 20

hingga 30 peratus. Dalam usaha untuk mencapai negeri maju sekurang-kurangnya 40 peratus rakyat negeri ini mesti celik IT. Sebab itu Selangor

banyak buat pembangunan IT. Kita tubuh pusat komuniti IT di setiap kampung. Kini kita memiliki 60 pusat dan akan ditambah lagi tahun ini. Baru-baru ini kita melancarkan apa yang dinamakan 'k-trak' iaitu kelab komputer yang bergerak untuk melatih anak-anak memahami IT dan ICT. Kita juga tengah membangunkan e-kerajaan, kita akan mengadakan 'gerbang mesra Selangor'.

Orang yang terpaksa ke pejabat daerah untuk isi pelbagai borang, baik nak minta tanah, tukar nama, nak minta rumah kos rendah, nak ubah alamat dan lain-lain, mulai sekarang mereka boleh gunakan gerbang ini dengan tidak payah lagi datang ke pejabat daerah... semuanya kini online.

Di samping itu, kita juga masih berhadapan dengan masalah setinggan yang berjumlah 43,000. Jadi dua tahun ini kita memang bergerak pantas. Saya sendiri turun ke padang. Kita terpaksa ambil tanah yang tidak boleh dimajukan. Kadang-kadang pemaju tidak gembira dengan kita, tapi kita tidak ada pilihan. Jadi nampak ada perubahan yang besar dari segi setinggan ini dan nampak ada keyakinan semakin mendalam. Dalam tempoh dua tahun ini, kira-kira 30 peratus setinggan telah duduk pada kemudahan baru. Kita ada lagi dua tahun dan kita yakin dapat selesaikan masalah setinggan dalam tempoh itu.

Kita juga wujudkan rumah kaunsel di bandar besar seperti PJ, Ampang, Kajang. Kita buat rumah sewa untuk mereka yang berhijrah dari luar bandar.

Malah sekarang kerajaan tengah fikirkan nak buat rumah kecil, iaitu rumah untuk orang bujang, terutama golongan berpendapatan rendah. Kita hendak membuat rumah supaya mereka menyewa, bila mereka kahwin dapat rumah sendiri atau pindah ke rumah kaunsel tiga bilik. Kita mungkin buat macam asrama terutama di kawasan industri, iaitu mereka duduk di rumah kecil dan ada kemudahan dapur dan kelengkapan lain, dengan harapan mereka simpan duit dan lepas berkahwin boleh beli rumah sendiri.

Di kampung dan luar bandar juga kita tengah susun kawasan penempatan baru, hasrat saya satu hari nanti kawasan perumahan satu tempat, kawasan pekerjaan atau tempat. Ini kita lihat sawah dan rumah berada dalam satu kawasan dan ia tidak ekonomi dari segi pentadbiran. Satu hari nanti kita hendak lihat kawasan berkenaan wujud seperti Felda atau estet... iaitu satu kawasan perumahan saja. Bila begitu kita boleh meningkatkan kemudahan asas.

Apa yang berlaku sekarang, kemudahan asas seperti jalan menjadi mahal kerana rumah kita berselerak, satu di hujung kampung, satu di tengah sawah. Kalau nak pasang paip air atau bekalan elektrik terpaksa terus ke rumah mereka.

Tapi satu hari nanti dengan perubahan cara perlahan-lahan, kita dapat wujudkan satu kawasan penempatan baru bagi generasi akan datang. Jadi bila generasi yang ada sekarang sudah tak ada, secara automatik ia akan tersusun. Dengan cara ini kita satu hari nanti akan lihat bila kawasan pertanian, ia hanya pertanian saja, perumahan pula diwujudkan setempat.

Adakah Datuk Seri fikir rakyat akan menerima?

Perlahan-lahan... ia akan memakan masa. Mungkin 20 atau 30 tahun lagi

tapi satu hari nanti kita tak boleh tinggal macam ini. Saya lihat anak muda sekarang lebih berminat untuk duduk di rumah kelompok... bukan sebiji-sebiji lagi. Di kampung saya juga banyak anak yang sudah pindah ke pekan, jadi ini satu perubahan baik. Kita tidak boleh buat cara mendadak kerana ia membabitkan hak pemilikan tanah tapi bila kita susun dari sekarang, dalam masa 20 tahun kita akan capai matlamat.

Kita sentuh mengenai politik pula. Datuk Seri naik mendadak dan pemerhati melihat Datuk Seri mempunyai ramai musuh. Bagaimana Datuk Seri melihat isu ini?

Saya tidak anggap ahli Umno musuh saya, saya anggap pembangkang musuh saya. Kalau orang anggap kehadiran saya sebagai satu ancaman, saya tidak takut. Saya menganggap tugas saya adalah untuk memastikan Umno terus relevan, terus mendapat tempat di hati rakyat. Jadi semua kerja saya buat

adalah untuk mengukuhkan Umno di hati rakyat. Mungkin saya terlalu baru dalam politik. Jadi saya anggap semua orang kawan dan saya anggap jawatan

yang diberi adalah perkara yang sementara. Sementara orang perlukan kita,

maka orang akan berikan kita peluang untuk berkhidmat. Bila orang tak perlukan kita... saya sendiri akan berhenti. Sebab itu dalam menilai dari

segi musuh atau tidak musuh itu tidak penting. Musuh saya jelas iaitu pembangkang.

Datuk Seri masih ahli Exco Pemuda tapi ada rungutan bahawa Datuk Seri jarang hadir mesyuarat Exco Pemuda?

Saya melihat yang penting ialah kerja. Biro Agama adalah yang paling aktif. Bagi saya, yang penting ialah bagaimana anda delegate the power. Biro agama paling aktif kerana kita ada program imam muda dan banyak program lain tiap-tiap bulan. Selalunya kita adakan mesyuarat di rumah saya dan adakan tindakan. Bila mana mesyuarat Exco kalau saya tak ada saya

hantar wakil. Tapi saya ikut perkembangan Pemuda. Exco Pemuda cukup penting bagi saya, ia diamanahkan oleh Datuk Hishammuddin Hussein dan kita

bekerja sebagai satu pasukan.

Datuk Seri juga dikhabarkan berminat untuk bertanding jawatan Ketua Pemuda pada pemilihan akan datang?

Tak adalah. Saya tidak berminat dengan jawatan, bagi saya yang lebih penting ialah kerja. Kalau kita anggap ahli Umno musuh kita, kita hilang tumpuan. Musuh kita adalah di luar... jawatan adalah suatu benda yang sementara.

Dalam proses perpindahan kuasa yang bakal berlaku nanti, golongan muda berasa mereka patut diberi peluang yang lebih. Bagaimana Datuk Seri melihat peralihan kuasa ini?

Pandangan saya, apa-apa perubahan perlu dibuat cara perlahan, tidak boleh cara mendadak. Kalau kita kata nak isi orang muda semua saya pun tak menyokong kerana kita memerlukan pengalaman senior untuk mentadbir negara.

Masing-masing ada kelebihan sendiri, kita buat seperti mana PM menyediakan hampir setahun untuk perpindahan kuasa ini. Kita tidak boleh terlalu ghairah untuk menukar pemimpin senior yang masih berkebolehan

dan

mampu menyumbang... kita perlukan mereka. Kita sebagai pemimpin tidak terus pandai begitu saja, kita sebagai pemimpin perlu banyak belajar, perlu tahu sejarah.

Berdasarkan pengalaman, bagaimana Datuk Seri menghadapi senior yang memang rasa nak `terkam' Datuk Seri?

Saya rasa tak ada masalah, yalah orang akan menganggap begitu tapi dalam

exco saya rasa tidak ada masalah. Semua exco bekerja dan memahami apa yang

saya perlukan. Mungkin pada peringkat awal mereka rasa ragu-ragu mengenai

kebolehan dan kemampuan saya mentadbir, tapi selepas lima enam bulan mereka bersama-sama dengan kita. Kita lihat Selangor bergerak dengan pantas. Kalau dulu nak lulus pelan sampai dua tahun, sekarang lima enam bulan saja. Saya percaya semua kelemahan itu sebagai kelebihan. Saya tidak

mahu kelemahan pada diri saya dan pentadbiran dijadikan sebagai kekurangan, tapi dijadikan kelebihan kerana kita diberi peluang untuk belajar. Saya beritahu exco saya semua rungutan dan masalah yang disampaikan itu sebagai satu kelebihan pada kita kerana ia boleh membantu

kita selesaikan masalah. Kerana itu kita kena cepat adaptasikan diri kita,

kena pantas membuat tindakan yang boleh mendapat sokongan padu Exco dan rakyat.

Sebab itu tugas yang saya buat ialah hands on management dan sekarang tumpuan saya ialah pada common sense management dan sense of urgency.

Ini

adalah dua perkara penting. Kalau ada hands on, disusuli dengan common sense, kemudian urgency maka kita boleh dapat bergerak dengan cepat.

Pilihan raya 1999 menyaksikan Selangor antara yang mengalami kejutan pembangkang yang serius. Beberapa kawasan sehingga hari ini masih dikuasai

oleh pembangkang. Bagaimana Datuk Seri menangani masalah ini terutama selepas berjanji untuk mencapai pembangkang sifar pada pilihan raya akan datang?

Kita sudah buat banyak tindakan. Kita tidak boleh cerita tapi saya hendak beritahu bahawa kita yakin akan mencapai matlamat pembangkang sifar

ini dengan syarat Umno dan BN bersatu. Saya harap MCA dapat bersatu, Umno

dalam keadaan kuat, tidak ada pergeseran di Selangor. Kita sudah lihat kawasan pembangkang ini, seperti di Hulu Klang, Gombak Setia, Kajang, kita

ada program khas dan saya sendiri banyak turun di kawasan berkenaan. Memang kita hadapi sedikit masalah, setengahnya membabitkan masalah dalaman.

Pendekatan di Selangor ini mudah, bila ada masalah kita panggil dan cakap terus terang, direct approach, tidak berselindung lagi. Saya, Tan Sri (Muhammad Muhd Taib) dan setiausaha, akan memanggil mereka dan tanya apa masalah.

Komposisi kita sekarang adalah 60 - 40, 60 peratus Melayu dan 40 bukan Melayu. Jadi kalau MCA boleh bersatu dan boleh kekalkan undi hingga 30

peratus, kita hanya perlu 30.5 peratus undi Melayu... kita akan menang. Kita yakin dengan adanya kelebihan, kita akan tawan semula kerusi seperti

Sungai Burung, Gombak Setia, Hulu Klang dan Kajang.

Apa peluang BN?

Saya ada buat bancian dan dilakukan cara saintifik. Kita tahu apa masalah di Selangor dan kajian dibuat oleh mereka yang tidak terbabit dengan politik. Soalan dibuat secara telus dan menjurus ke arah satu perkara. Kajian terbaru Selangor cara keseluruhannya menunjukkan 70 peratus kita mampu untuk tawan hati rakyat. Ini kajian rambang pada peringkat daerah. Bagi BN ini adalah satu perubahan besar. Selangor juga sedang lihat undi hantu. Kita nampak ada pengundi tidak dikenali oleh penduduk tempatan telah mengundi pada pilihan raya lalu. Saya anggap ini satu kelebihan dan kita bekerja keras di bahagian masing-masing. Cuma kita

bimbang jika ada pergeseran di bahagian yang akan melemahkan Umno. Sebab itu saya tegaskan pada orang Umno bahawa musuh kita bukan di dalam Umno, tetapi luar Umno.

Kita berjuang di jalan yang benar. Sebab itu apabila kita lihat pemimpin

Pas, kita rasa kesal kerana dia nak bela ahli sehingga sanggup memburukkan

nama Tuhan, banyak juga ahli Pas ahli KMM, saya rasa 70 peratus ahli KMM ialah ahli Pas, ia mengatakan Tuhan samseng untuk menghalalkan penyertaan

ahlinya itu. Ini satu perkara yang tidak baik. Yang paling saya kesal ialah bila mereka menipu orang kampung. Mereka ke kampung dan meminta derma kononnya untuk tabung jihad, jadi dia baca ayat Quran, sedangkan orang kampung ini pakai motor buruk, basikal buruk, pakai baju compang-camping, makan pun tak terjaga, tapi bila dengar jihad dan dengar akan masuk syurga, mereka terus menderma. Tapi yang sedihnya yang bawa balik duit dari kampung itu keluar dengan kereta besar, memiliki rumah besar, tapi orang kampung terus dibiarkan begitu. Ini adalah satu penipuan yang saya rasa tidak patut dilakukan oleh orang yang mendakwa mereka berjuang untuk agama, bangsa dan negara.

Sekolah SAR adalah contoh klasik. Mereka suruh kita hantar anak ke SAR tapi mereka hantar anak ke sekolah kebangsaan. Ini saya lihat satu penipuan.

Contoh lain, mereka kata jangan belajar bahasa Inggeris kerana takut jadi Inggeris dan nanti anak tak hormat pada kita, tapi anak mereka dihantar ke luar negara, ke London, Australia, ini saya anggap satu pembohongan yang perlu kita ketengahkan. Dan kita lihat bagaimana mereka mempertahankan bukan saja pemimpin tapi pengikut dan penyokong kuat, mereka sanggup lakukan apa saja. Ini saya anggap perlu kita berhenti jika

mahu orang Melayu maju. Saya sedih melihat orang Melayu berpecah bukan kerana apa, hanya kerana ada perbezaan pandangan tentang perjuangan, sedangkan parti yang ditentang itu Islam.

Satu perkara yang sebabkan Umno kalah di Selangor pada 1999 kerana masalah dalaman, jadi bila Datuk Seri berkata mengenai pendekatan direct,

sejauh mana Datuk Seri boleh berterus terang?

Kita sudah jumpa mereka, di Gombak juga sudah jumpa. Saya sudah pantau dan melihat ada perkembangan baik. Mereka menerima hakikat bahawa Umno

kalah bukan kerana Pas kuat, tapi sebab Umno lemah. Saya tengok pada 1999

banyak perkara tidak digunakan Umno yang menjadikan ia kelemahan kita, sebab kita terlalu yakin.

Apabila pembangkang guna internet sebagai bahan, kita terkapai-kapai kerana tidak menyertai gagasan internet. Bila dibawa surat internet, orang

kampung sampai fotostat letak bawah bantal... tapi ini telah diperbaiki.

Tapi Umno juga kena berubah kena gunakan kemudahan teknologi, tidak boleh guna kempen cara lama. Kajian mendapati 60 peratus pengundi sebenarnya telah menetapkan siapa mereka akan undi sebelum pilihan raya, hanya 40 peratus yang berada atas pagar atau undi pembangkang. Jadi 60 peratus ini kita kena pastikan. Pada 1999 pembangkang berkempen setahun setengah lebih awal, Umno tak buat apa-apa, mereka beranggapan memadai dengan cara lama iaitu kempen 'last minute'. Jadi kita kena kempen awal, kita kena bekerja kuat.

Selangor sudah gerakkan lebih awal, saya juga turun ke bahagian sejak dari awal, memang penat tapi kita kena jumpa rakyat. Baru-baru ini kita buat inventori masalah rakyat cara terbuka dan saya sendiri pergi ke satu

daerah, kita duduk dan terima rungutan rakyat secara terus, ada yang marah, ada yang suka dan ada yang protes. Tapi kita terima dan selesaikan.

Ini adalah satu keberanian yang kita anggap cukup baik. Saya memang mengaku banyak produk kerajaan tidak dijual dengan begitu baik kepada rakyat. Dulu tak payah terang tapi hari ini kita buat kita kena terang, kalau tak orang akan ambil nama kita. Sebab itu Selangor kini makin aktif.

Kita bergerak cara berpasukan dan pada peringkat akhir ini kita nak gerakkan BN sendiri. Kalau masih tunggu taktik lama, sudah dekat baru nak

buat kita mungkin kalah sekali lagi.